



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542

Ruj. Kami: KKM.600-28/2/7 Jld. 10 (9)
Tarikh : 29 Disember 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

*YBhg. Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/
Puan,*

PENETAPAN *HOSPITAL PERFORMANCE INDICATORS FOR ACCOUNTABILITY* (HPIA) DAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) PERKHIDMATAN KLINIKAL BAGI TAHUN 2024

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan sedia maklum, pemantauan *Hospital Performance Indicators for Accountability* (HPIA) dan KPI Perkhidmatan Klinikal telah mula dilaksanakan di semua hospital/ institusi KKM sejak tahun 2014 bagi memantau perkhidmatan perubatan secara lebih sistematik.

3. Bagi memastikan HPIA dan KPI Perkhidmatan Klinikal terus kekal relevan, beberapa sesi bengkel, libat urus serta projek rintis bersama pemegang taruh telah dilaksanakan bertujuan untuk membentuk indikator-indikator baru HPIA dan KPI Perkhidmatan Klinikal untuk tahun 2024.

4. Untuk makluman YBhg. Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan, spesifikasi teknikal (kamus) bagi HPIA 2024 dan KPI Perkhidmatan Klinikal 2024 boleh dimuat turun melalui laman sesawang Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Unit Survelan Pencapaian Klinikal atau di pautan :

- HPIA:
https://drive.google.com/drive/folders/1q_EizYXmJn66ucnx93uoCc7wjrAaLQxo?usp=drive_link
- HPIA (IKN):
https://drive.google.com/drive/folders/1rb8YYgKueCkHf7kDd7yej3dhdDg1fVcf?usp=drive_link
- HPIA (Institusi Psikiatrik):
https://drive.google.com/drive/folders/1r1Tq9ZJo5x67BQRs9TU9R183QN8LLIJG?usp=drive_link
- KPI Perkhidmatan Klinikal:
https://drive.google.com/drive/folders/1hGlzXzx230jqMd078jWXP1azltO_wxlo?usp=drive_link

5. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak YBhg. Dato' Indera/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan memanjangkan perkara ini kepada semua Pengarah Hospital dan Institusi serta pegawai-pegawai di bawah seliaan masing-masing agar perancangan, implementasi, pemantauan serta pelaksanaan tindakan penambahbaikan yang berterusan dapat dilaksanakan.

6. Ingin juga dimaklumkan bahawa pelaksanaan HPIA dan KPI Perkhidmatan Klinikal ini **berkuatkuasa pada 01 Januari 2024**. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen tambahan seperti berikut:

- Takwim Pelaporan Pencapaian HPIA dan KPI Klinikal bagi tahun 2024 (Sila rujuk **Lampiran A**).

7. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan boleh dikemukakan kepada Unit Survelan Pencapaian Klinik, Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan selaku Sekretariat Induk Teknikal KPI KKM di alamat emel cpsu.medicaldev@moh.gov.my atau kepada pegawai berikut:

- Dr. Erlendawati binti Mohd Anuar
(03-88831201/ drerlendawati@moh.gov.my)
- Dr. Khairulina Haireen binti Khalid
(03-88831592/ drkhairulina@moh.gov.my)
- Dr. Mohd Fuad bin Sallehuddin
(03-88831587/ drmohdfuad@moh.gov.my)

8. Kerjasama dan perhatian dari YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

s.k:

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Program Perubatan

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan

SENARAI EDARAN

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah
Institut Kanser Negara

Pengarah
Pusat Darah Negara

**TAKWIM PELAPORAN PENCAPAIAN
HOSPITAL PERFORMANCE INDICATORS FOR ACCOUNTABILITY
(HPIA) DAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) PERKHIDMATAN
KLINIKAL
BAGI TAHUN 2024**

BIL.	PERKARA	TARIKH AKHIR
1.	Pelaporan Pencapaian HPIA, KPI Perkhidmatan Klinikal, KPI Daya Saing Agensi bagi tempoh Januari – Jun 2024	19 Julai 2024
2.	Pelaporan Pencapaian KPI PPTPA Sektor Teknikal KKM bagi tempoh Januari – Jun 2024	31 Julai 2024
3.	Pelaporan <i>Shortfall in Quality</i> (SIQ) HPIA, KPI Perkhidmatan Klinikal dan KPI PPTPA Sektor Teknikal KKM (Pentadbir) bagi tempoh Januari – Jun 2023	11 September 2024
4.	Pelaporan Pencapaian HPIA, KPI Perkhidmatan Klinikal, KPI Daya Saing Agensi bagi tempoh Januari – Disember 2024	17 Januari 2025
5.	Pelaporan Pencapaian KPI PPTPA Sektor Teknikal KKM bagi tempoh Januari – Disember 2024	31 Januari 2025
6.	Pelaporan <i>Shortfall in Quality</i> (SIQ) HPIA, KPI Perkhidmatan Klinikal dan KPI PPTPA Sektor Teknikal KKM (Pentadbir) bagi tempoh Januari – Disember 2024	14 Mac 2025

*Maklum balas hendaklah dikemukakan kepada Sekretariat Induk Teknikal KPI KKM, Unit Survelan Pencapaian Klinikal, Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan sebelum atau pada tarikh akhir yang ditetapkan melalui alamat emel cpsu.medicaldev@moh.gov.my.

